**Season Two**: The Kingdoms

| Narration / Voice Over | Visual/ Effect |
|---|---|
| Episod14:<br><br>Palestine the Promise Land & the Phoenician Language<br>(EGYPTIAN CIVILIZATION)<br>BRONZE AGE<br><br>SUARA:<br><br>MITOS BUDAYA PALING LAMA BERTAHAN BANGSA YAHUDI ADALAH IDEA DARIPADA 'TANAH YANG DIJANJIKAN' ATAU `*THE PROMISE LAND*`.PENYEBARAN 'PALESTIN' SEBAGAI 'TANAH AIR YAHUDI BENAR' BERTERUSAN HINGGA KE HARI INI DI DALAM KAJIAN *BIBLICAL STUDY* DAN MENAFIKAN SEJARAH PURBA PALESTIN ITU SENDIRI. MENURUT KEITH W. WHITELAM, '*BIBLICAL STUDIES NEVER GAVE* | |

| | |
|---|---|
| *CHANCE TO ANCIENT PALESTINIANS (= ARABS) AS THE ORIGINAL SETTLERS OF THE LAND'KEITH W. WHITELAM (1996), THE INVENTION OF ANCIENT ISRAEL*, LONDON: ROUTLEDGE, P. 1.<br><br>PENUBUHAN NEGARA ISRAEL MODEN TIDAK WUJUD SEHINGGA ABAD KESEMBILAN BELAS, APABILA KERAJAAN BRITISH TELAH MELUASKAN PEMERINTAHANNYA DI SEBELAH TIMUR NEGARA-NEGARA ARAB. SEJARAH PALESTIN PURBA PADA HAKIKATNYA TIDAK PERNAH MENJADI SEBAHAGIAN DARIPADA KURIKULUM SEKOLAH EROPAH. WALAUPUN PALESTIN TELAH DILAUNGKAN SEBAGAI 'TANAH YANG DIJANJIKAN UNTUK ORANG-ORANG YAHUDI '.<br><br>TERDAPAT SUARA-SUARA | |

| | |
|---|---|
| YANG MENGKRITIK MENEGASKAN BAHAWA IDEA YANG BERSLOGAN BAHAWA' ‘*GLORIOUS ANCIENT ISRAEL*’ MERUPAKAN PENTAFSIRAN YANG SALAH YANG DITAFSIRKAN OLEH PENTAFSIR-PENTAFSIR *BIBLICAL STUDY*.<br><br>DI KALANGAN AHLI AKADEMIK KEMUDIANNYA CUBA MENCARI SUMBER-SUMBER YANG OBJEKTIF , SEPERTI BUKTI PENINGGALAN DARIPADA ZAMAN-ZAMAN PALEOLITIK, MESOLITIK, NEOLITIK, CHALCOLITHIC DAN MESOPOTAMIA.<br><br>APA-APA PENEMUAN DI DALAM KAJIAN INI MERUPAKAN BUKTIYANG JELAS BAHAWA SEJARAH TERAWAL DUNIA TELAH MENYOKONG IDENTITI ASAL PALESTIN PURBA<br><br>DAN KAJIAN INI TELAH | |

| | |
|---|---|
| DIPERLUASKAN LAGI DENGAN BUKTI-BUKTI DARI KAJIAN LINGUISTIK.<br><br>BUKTI LINGUISTIK MERUPAKAN SATU METHOD YANG BOLEH MENJADI DALIL YANG OBJEKTIF TERHADAP PENGGUNAAN BAHASA KUNO YANG DITUTURKAN DI ZAMAN PALESTIN PURBA.<br><br>BAGI *BIBLICAL STUDY*PENDEKATAN LINGUISTIK INI TELAH MEMBERI SATU PENGIKTIRAFAN TERHADAP PENGKAJI-PENGKAJI DARI BARAT SECARA EKSLUSIFNYA BAHAWA MEREKALAH YANG MENGETUAI EKSPEDISI MENGKAJI APAKAH BAHASA YANG DIGUNAKAN OLEH PENDUDUK TERAWAL PALESTIN.<br><br>BANYAK KENYATAANYANG DIKEMUKAKAN *BIBLICAL STUDY*CUBA MENAFIKAN | |

| | |
|---|---|
| KEWUJUDAN SEJARAH PURBA PALESTIN ITU SENDIRI.<br><br>ORANG ISRAEL  TERBAHAGI KEPADA DUA KUMPULAN YANG BERBEZA; PENDUDUK NEGARA BARU IAITU 'ISRAEL' DAN ORANG-ORANG YAHUDI PURBA.<br><br>KEDUA-DUA KUMPULAN INI TIDAK MEMPUNYAI ASAL-USUL YANG SAMA KERANA ISRAEL MODEN KEBANYAKANNYA TERDIRI DARIPADA PERPINDAHAN *ASHKENAZI*, IAITU *JUDAIZED*YANG DATANG DARI TIMUR EROPAH. ADAPUN *'BANI ISRA'IL*MERUPAKAN PENDUDUK ASAL ATAU PURBA PALESTIN YANG TELAH DI JADIKAN HAMBA OLEH SARGON, SHEQHOQ, NEBUCHADNEZAR KEMUDIAN DIIKUTI OLEH PTOLEMY, SELEUCIDS, ROM DAN KRISTIAN. | |

| | |
|---|---|
| ADAPUN DARI SUDUT PANDANGAN AHLI SEJARAH ISLAM BAHAWA BANI ISRAEL PURBA SAMAADA YANG MENJADI PENYEMBAH BERHALA ATAUPUN 'ISLAM', IAITU ORANG-ORANG YANG MENGIKUTI NABI MUSA DAN PENGGANTI YANG SETERUSNYA, DIANGGAP ORANG YANG BERIMAN. SEBAGAIMANA YANG DITAFSIRKAN OLEH ALBRIGHT BAHAWA ORANG-ORANG PALESTIN DARI SUDUT FAKTA ARKEOLOGI ADALAH:<br>THE POPULATION OF EARLY ISRAELITE PALESTINE WAS MAINLY COMPOSED OF THREE GROUPS: PRE-ISRAELITE HEBREWS, ISRAELITES PROPER AND CANAANITES OF MISCELLANEOUS ORIGIN. ALBRIGHT, *FROM THE STONE AGE TO CHRISTIANITY: MONOTHEISM AND THE HISTORICAL PROCESS*, P. 279.<br><br>KEMUDIAN ALBRIGHT | |

| | |
|---|---|
| MENGGAMBARKAN ORANG-ORANG KAN`AN ADALAH PENDUDUK YANG MENYEMBAH PATUNG-PATUNG DAN GOLONGAN YANG PRIMITIF.<br><br>DUA AHLI SEJARAH YAHUDI LAQUEUR DAN RUBIN, MENDAKWA BAHAWA ORANG-ORANG YAHUDI EROPAH YANG 'KEMBALI' KEPADA 'ISRAEL' TELAH KEMBALI KE 'TANAH NENEK MOYANG MEREKA:<br>*IMPELLED BY THIS HISTORIC ASSOCIATION, JEWS STOVE THROUGHOUT THE CENTURIES TO GO BACK TO THE LAND OF THEIR FATHERS AND REGAIN THEIR STATEHOOD. IN RECENT DECADES THEY RETURNED IN THEIR MASSES.* W. Laqueur and B. Rubin (1969), *The Israel and Arab Reader: A Documentary History of the Middle East Conflict*, New York: Penguin, p. 125.<br><br>DARI PERSPEKTIF SEJARAH ISLAM, 'BANI ISRAEL' TIDAK LAGI WUJUD DI SEBABKAN PENGUSIRAN ORANG-ORANG | |

| | |
|---|---|
| YAHUDI 'OLEH KUASA ASING SEPERTI ROM, PARSI, BABYLON DAN BYZANTIN.<br><br>ALLAH TELAH BERJANJI BAHAWA TANAH PALESTIN ADALAH MILIK ORANG 'ISLAM' DAN BANI ISRAEL, YANG TERDIRI DARI AHLI AL-KITABYANG BENAR DAN ADIL SEPERTI MASYARAKAT YAHUDI YANG MENGIKUTI NABI-NABI MEREKA, BUKAN MEREKA YANG MENDAKWA BAHAWA MEREKA ADALAH GOLONGA 'ISRAEL' PADA HARI INI. IANYA JELAS SEKALI  BAHAWA YAHUDI ISRAEL YANG ADA PADA HARI INI KEBANYAKANNYA BERASAL DARI KHAZAR TURKIC YANG MENETAP DI RUSIA DAN EROPAH TIMUR LAMA. PENGAKUAN PALSU INI TERJADI SELEPAS 'BANI ISRAIL' YANG ASAL TIDAK LAGI WUJUD SEBAGAI SATU BANGSA PALESTIN PURBA.<br><br>HAKIKATNYA SEJARAH PALESTIN TELAH | |

| | |
|---|---|
| DIPUTARBELITKAN UNTUK MEMENUHI KEHENDAK *BIBLICAL STUDY* DI PALESTIN.<br><br>OLEH ITU ADALAH PENTING BAGI PARA INTELEKTUAL MODEN MENCABAR BUKTI YANG TIDAK KUKUH INI KERANA BUKTI-BUKTI KEBANYAKANNYA TELAH DIPALSUKAN.<br><br>INI PERLU DISEMAK SEMULA DAN DIUBAH SUAI UNTUK DIKEMUKAKAN BEBERAPA PERSOALAN DI MANA SUMBER-SUMBER SEJARAH PADA HAKIKATNYA TELAH DI SALAH TAFSIRKAN KETULENANANNYA.<br><br>ORANG-ORANG KANAAN YANG MENGUASAI PALESTIN SEKITAR 2500 SM TELAH MEMBUKTIKAN BAHAWA TULISAN TERAWAL NAMA PALESTIN - PLSTN - DIDAPATI DALAM TULISAN PEPAKU PURBA MESIR. IA DINAMAKAN DEMIKIAN DENGAN ORANG-ORANG | |

| | |
|---|---|
| YANG TINGGAL DI KAWASAN PANTAI LAUT AEGEAN YANG BERCAMPUR GAUL DENGAN ORANG KANAAN. M.A. AL-AMIRI (2002), *AS-SYIA` AN-NUR AL-QUDUS AL-ARABIYAH URUBAH FILASTIN FI AT-TARIKH*, AL-JORDAN: AMAN AL-KUBRA, 1/37.<br><br>MEREKA TELAH MEMBINA 200 BANDAR-BANDAR SEPERTI ASQALAN, AKA, HAIFA, KHALIL, USDUD, BIIR SABA`A DAN BAYTLAHAM *AL-MAWSU`AH AL-FILASTEEN* (1990), DAMASCUS: HAI`ATU AL-MAWSU`AH AL-FILASTIN, 3/271-279 AND 660-670.<br><br>MENURUT AHLI SEJARAH ARKEOLOGI, RAKYAT PALESTIN YANG TERDIRI DARIPADA ORANG KANA`AN DAN LAIN-LAIN SUKU KAUM ARAB TELAH MENDUDUKI KAWASAN PALESTIN INI SEBELUM DAN SELEPAS KEBANGKITAN ISLAM. L.B. AHMAD (1982), *MIN MANZURI* | |

| | |
|---|---|
| *AL-ATHAR AL-ANTHARUBULËJÊ*, *MAJALLAH AL-FAYSAL*, AL-ADAD 79, RIYADH, S. AL-SALEH (2007), *DIRASAT FI AL-FIQHI AL-LUGHAH*, DAR AL-ILM LI-L-MALAYIN: LEBANON, PP. 49-50.<br><br>SEBAGAIMANA YANG TELAH DISEBUT OLEH G. W. AHLSTROM DAN NAJIB ZABIB BAHAWA GELARAN 'KANAAN' SECARA BERTULIS YANG MANA DIPELIHARA SEMEJAK 1700 SM., G. W. AHLSTROM, *THE HISTORY OF ANCIENT PALESTINE FROM THE PALAEOTHIC PERIOD*, JSOT PRESS, P. 58, NAJIB. ZABIB, *AT-TARIKH AL-HAQIQI LILYAHUD MUNZU NASH`TIHIM AL-ULA WA-HATTA AL-*, P. 58. | |
| | |